

**TEKS UCAPAN ALUAN
Y.BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

MAJLIS PERASMIAN MINGGU HALUAN SISWA 2017/2018

**07 September 2017, 3.30 petang
Dewan Besar UTeM**

Bismillahirrahmanirrahim

SALUTASI

Terima kasih saudara dan saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Datuk Haji Md Rawi bin Mahmud

Timbalan Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains Dan Teknologi,
Teknologi Hijau Dan Inovasi Negeri Melaka

Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali

Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM

Y.Bhg. Prof. Dr. Izaidin bin Abdul Majid
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Y.Bhg. Prof. Dr. Goh Ong Sing
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)

Yang Berbahagia Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Majlis Perwakilan Pelajar UTeM

Rakan Media

Jawatankuasa Pelaksana MHS, para fasilitator MHS

Mahasiswa dan mahasiswi baharu Universiti Teknikal Malaysia Melaka
seterusnya hadirin yang dikasihi sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh
Salah Sejahtera, Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau,
Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya kita diberi kesempatan untuk berhimpun bersama mahasiswa dan mahasiswi baharu UTeM sempena Majlis Perasmian Minggu Haluan Siswa Sesi 2016/2017 Universiti Teknikal Malaysia Melaka pada petang ini.
2. Saya bagi pihak Pengurusan Tertinggi Universiti ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan serta merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Yang Berhormat Datuk Md Rawi bin Mahmud, Timbalan Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains Dan Teknologi, Teknologi Hijau Dan Inovasi Negeri Melaka yang mewakili Ketua Menteri Melaka** di atas kesudian untuk merasmikan Minggu Haluan Siswa 2017 pada petang ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih

kepada **Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM** kerana sudi meluangkan masa hadir bersama-sama di dalam majlis ini.

3. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada **2,209** mahasiswa dan mahasiswi baharu yang telah berjaya menjadi sebahagian daripada keluarga UTeM, untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda. Daripada jumlah ini, seramai:
 - a. **279** pelajar berdaftar di Fakulti Kejuruteraan Elektrik,
 - b. **172** pelajar di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer
 - c. **241** pelajar di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

- d. **168** pelajar di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
- e. **364** orang pelajar di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- f. **307** pelajar di Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan
- g. dan, bilangan kemasukan teramai adalah di Fakulti Teknologi Kejuruteraan iaitu seramai **678** pelajar.

4. Sebagai makluman YB Datuk juga, Minggu Haluan Siswa ini turut melibatkan seramai **580** pelajar Diploma yang telah mendaftarkan diri bagi semester khas permulaan pada bulan Jun yang lepas dan seramai **136** orang pelajar '*direct entry*' kemasukan Februari 2017. Jumlah ini menjadikan bilangan keseluruhan mahasiswa dan mahasiswi yang berada di dalam Dewan ini seramai **2,925** orang.

5. Sekalung tahniah saya ucapkan kepada saudara dan saudari sekalian yang kini sudah melangkah ke satu alam baharu, alam Menara Gading yang bakal menjanjikan pelbagai cabaran dan keseronokan dalam usaha mendaki puncak kejayaan. Saya percaya, adalah menjadi impian dan harapan semua orang untuk melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat tertinggi namun bukan semua orang mampu meraihnya. Anak-anak pelajar di hadapan saya ini adalah antara yang terpilih, sedangkan puluhan ribu lagi bersedih kerana tidak dapat merasai kehidupan di kampus. Oleh itu, hargailah peluang yang diberikan ini dengan belajar bersungguh-sungguh.

YB Datuk, Mahasiswa dan Mahasiswi yang dikasihi sekalian,

6. Selepas lebih 16 tahun penubuhan, UTeM telah memainkan peranan penting dalam melahirkan insan cemerlang dan seimbang dalam segenap aspek yang amat diperlukan oleh Negara ini di masa hadapan. Pihak Universiti akan terus menunaikan tanggungjawabnya mengeluarkan graduan yang berkualiti tinggi, yang memenuhi aspirasi tinggi negara, khususnya di dalam bidang Kejuruteraan, Teknologi Kejuruteraan, Teknologi Maklumat dan Pengurusan Termaju.

7. Program Minggu Haluan Siswa yang dianjurkan selama 5 hari oleh universiti ini merupakan komitmen kami, di UTeM untuk memberi perkhidmatan yang terbaik menerusi pengisian slot penerangan kepada mahasiswa dan mahasiswi sebagai persediaan awal untuk meneruskan kehidupan sepanjang pengajian di Universiti ini. MHS juga merupakan platform terpenting kepada mahasiswa dan mahasiswi untuk menyesuaikan diri dengan suasana kehidupan di universiti yang semakin mencabar dan berbeza dengan kehidupan semasa pengajian di matrikulasi, politeknik, dan sebagainya.

8. Oleh itu, apabila berada di sini, janganlah disiakan peluang yang ada. Berusahalah dengan bersungguh-sungguh untuk menjadi insan cemerlang, yang dapat menyumbang ke arah pembangunan negara. Ini menuntut mahasiswa dan mahasiswi untuk terus memperkasakan diri dengan memiliki keserjanaan ilmu, keterampilan diri, kecemerlangan kepimpinan dan menguasai kemahiran insaniah. Mahasiswa dan mahasiswi yang berilmu bukan sahaja memperoleh kecemerlangan seimbang di dunia dan akhirat, malah mampu bertindak secara proaktif, progresif dan dinamik yang mampu memberikan impak positif terhadap pembangunan diri dan keluarga serta negara yang tercinta ini.

9. Seperkara lagi yang perlu diambil perhatian oleh mahasiswa dan mahasiswi sekalian ialah menjaga perpaduan warga kampus. Ambillah kesempatan di sepanjang MHS ini berlangsung, untuk berinteraksi dengan sahabat handai dari pelbagai lapisan masyarakat dan latar belakang. Ini secara langsung dapat menyemai perasaan toleransi, hormat-menghormati, memahami antara satu dengan yang lain, apatah lagi kita masih berada di dalam kehangatan sambutan kemerdekaan negara ke-60, negaraku sehati sejiwa.

Hadirin hadirat yang dikasihi sekalian,

10. Sebelum mengundur diri, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Md Rawi bin Mahmud, Timbalan Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains Dan Teknologi, Teknologi Hijau Dan Inovasi Negeri Melaka dan Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM kerana sudi hadir untuk bersama-sama kita pada petang ini. Semoga kemesraan ini akan berpanjangan dan mengukuhkan lagi hubungan erat sesama kita.

11. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Jawatankuasa Pelaksana MHS, Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTeM, Fasilitator, di atas usaha dan komitmen tinggi yang diberikan sepanjang majlis ini berlangsung.

Buah nangka penuh berisi,
Idaman si gadis untuk dirasa;
Siswa UTeM pewaris tradisi,
Tunggak pertiwi memacu bangsa.

Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik wal hidayah wasalamualikum wbt.